

Headline	Azrai burn dua gelaran individu		
MediaTitle	Kosmo		
Date	20 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Sukan	Page No	46
ArticleSize	251 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 19,617		



AZRAI (dua dari kanan) meledak lima gol ketika membelasah ATM 15-1 pada aksi MHL di Stadium Hoki KPM kelmarin. - MHC

Azrai buru dua gelaran individu

PENYERANG Tenaga Nasional Berhad (TNB), Muhammad Azrai Aizad Abu Kamal meletakkan sasaran untuk mempertahankan status sebagai penjaring terbanyak Liga Hoki Malaysia (MHL) pada saingan musim ini.

Setakat ini, dia yang juga pemain kebangsaan sudah meledak 12 gol, namun masih jauh jika dibandingkan dengan 40 gol ketika membantu TNB muncul naib juara MHL musim lalu.

Justeru, Azrai tekad untuk meneruskan sentuhan penyudah yang ditampilkan bagi memastikan dia dapat mengekalkan gelaran penjaring terbanyak selain membantu TNB mencapai



sasaran meraih trebel.

"Musim lepas saya mendapat anugerah sebagai penjaring terbanyak, jadi kalau ada rezeki sudah pasti saya mahu mempertahankan gelaran itu kerana kami sebagai pasukan mahu meraih kejuaraan trebel.

"Setakat ini, saya sudah pun menjaringkan 12 gol dalam saingan liga. Sekiranya boleh, saya juga mahu menyambar

anugerah MVP (Pemain Paling Bernilai) pada perlawanan akhir nanti," katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Terdahulu, penyerang kelahiran Perak itu 'mengganas' lagi apabila menjaringkan lima gol ketika membantu TNB membelasah Angkatan Tentera Malaysia (ATM) 15-1 pada aksi di Stadium Hoki KPM, Bangsar, Kuala Lumpur kelmarin.

Azrai nyata gembira dengan aksi ditampilkan pasukan apabila kembali mencatat jaringan besar selepas prestasi agak menurun ketika mencatat kemenangan 5-1 ke atas Nurinsafi Sporting minggu lalu.